

# 马来语高级教程

中 国 传 媒 大 学 非 通 用 语 系 列 教 材

第二册

Jilid Kedua




■ 李士君 张丽英 编著

中国传媒大学出版社

中国传媒大学非通用语系列教材

# 马来语高级教程



第二册

■ 李士君 张丽英 编著

中国传媒大学出版社

**图书在版编目 (CIP) 数据**

马来语高级教程. 2/李士君, 张丽英编著. -北京: 中国传媒大学出版社, 2008.8

ISBN 978-7-81127-197-3

I. 马… II. ①李… ②张… III. 马来语—高等学校—教材 IV. H631.1

中国版本图书馆 CIP 数据核字 (2008) 第 059883 号

---

**马来语高级教程 (第二册)**

---

**编 著:** 李士君 张丽英

**责任编辑:** 欧丽娜

**责任印制:** 曹 辉

**封面设计:** 风得信设计·阿东

---

**出版发行:** 中国传媒大学出版社 (原北京广播学院出版社)

**社 址:** 北京市朝阳区定福庄东街 1 号 **邮编:** 100024

**电 话:** 65450532 或 65450528 **传 真:** 010-65779140

**网 址:** <http://www.cucp.com>

**经 销:** 新华书店总店北京发行所

**印 刷:** 北京中科印刷有限公司

---

**开 本:** 730×988 毫米 1/16

**印 张:** 13.5

**版 次:** 2008 年 8 月第 1 版 2008 年 8 月第 1 次印刷

---

**ISBN 978-7-81127-197-3/K · 197** 定价: 38.00 元

---

**版 权 所 有**

**翻 印 必 究**

**印 装 错 误**

**负 责 调 换**

## 序

中国传媒大学(原北京广播学院)国际传播学院首批“非通用语系列教材”:《普什图语教程》(上、下册)、《普什图语基础语法》、《孟加拉语教程》(上、下册)、《孟加拉语实用语法》、《尼泊尔语教程》(上、下册)、《荷兰语教程》(上、下册)于2003年正式出版。现在,马来语等非通用语系列教材即将陆续出版,这无疑是一件可喜可贺的大事,也是一个良好的开局。这是各语种老师在语言参考资料极端匮乏、教学任务异常繁重的情况下,夜以继日,不怕寒暑,不怕疲劳,尽职尽责,辛苦劳作而结的丰硕成果。在此,我表示由衷的喜悦,向所有为此付出努力与贡献的老师们表示诚挚的谢意。

我校自1958年起至20世纪80年代共开办过包括英语在内的30多种外语,是当时我国高等院校培养非通用语本科人才的三大基地之一。自1990年开始,逐步恢复与开办的语种已达23种。其中非通用语,如普什图语(阿富汗)、孟加拉语、泰米尔语(印度、斯里兰卡)、荷兰语、世界语、阿萨姆语(印度)、祖鲁语(南非)等均为我校在我国独办的语种;另有一些语种,如斯瓦希里语(东非各国)、葡萄牙语、土耳其语、菲律宾语(原为他加禄语)、希腊语等,均为我国首办的语种。但令人遗憾的是,此前许多语种大多采用的是中国教师与外籍专家现编现教的自编教材。

人类已经迈入21世纪,信息等高新技术迅猛发展,日新月异,世界已经变成了一个“地球村”。世界各国人民之间包括文化在内的各种交流日益频繁,而作为一切交流的媒介载体——语言,越来越显示出其重要作用。特别是,随着我国国力的逐步增强,我国与世界各国和人民之间的交往与日俱增。为适应我国加入WTO和迎接北京奥运会的需要,培养外语非通用语人才的重任责无旁贷地落在了我们的身上,中国传媒大学国际传播学院应义不容辞、继续做出自己的贡献。我寄希望于大家。

我热切地希望老师们再接再厉,开拓进取,为编纂出更多、更好、更精的非通用语教科书,为培养高素质、多语种、复合型、有创新能力的非通用语人才而殚精竭虑的工作,任重而道远。

中国传媒大学副校长 高福安

## 编者的话

随着中国和马来西亚两国关系不断深入地发展,两国政府和民间在政治、经济、贸易、外交、旅游等领域的交流日益增多,马来语作为媒介语使用日益频繁,学习和使用马来语的人在不断增加。

为满足更多人学习和使用马来语的需要,中国传媒大学在出版《马来语教程》第一、二册后,继续出版《马来语高级教程》第一、二册,供在校的三、四年级学生和马来语爱好者学习使用。

在基本掌握马来语基础之后,为进一步扩大读者的马来语词汇量、更广泛地掌握和使用马来语,在编写出版《马来语高级教程》第一、二册时,大量选择和引用了马来语原著,其中有马来西亚国家文学奖获得者,著名文学家、剧作家、诗人、评论家等撰写的文章、小说、评论、戏剧、诗歌(包括班顿)以及中国古典和现代题材的长短篇小说等内容,目的是扩大学生的阅读量,增加他们的知识面,提高他们对原著的理解能力、翻译能力和写作能力,有利于他们在实际工作中能更出色地完成各种场合的翻译(口译和笔译)任务。

此书在编写过程中,得到了中国传媒大学副校长高福安和国际传播学院领导的关心和支持;曾应聘在本校任教的马来西亚语文局专家阿兹莎女士(Puan Azizah)也对该教材的编写工作给予了积极的支持。在此一并向他们表示衷心的谢意。

由于时间紧迫,此书编写中,肯定还会有差错或错误,恳请读者提出批评指正。谢谢!

编者 李士君 张丽英

## Kandungan 目 录

<b>Pelajaran 1 第一课 .....</b>	1
1. Teks: China Mutakhir	
2. Bacaan Luas A: Daripada Karya kepada Pentas dan Sinematografi; Hanya Persoalan Interpretasi Semula	
3. Bacaan Luas B: Festival Layang-layang Antarabangsa	
4. Bacaan Luas C: Dalam Diam OPEC Bersuara	
 <b>Pelajaran 2 第二课 .....</b>	18
1. Teks: Kereta Api ke Kuala Lumpur	
2. Bacaan Luas A: Timor Leste Setelah Merdeka	
3. Bacaan Luas B: Timor Leste Terus Menjadi Mangsa Buli Australia	
4. Bacaan Luas C: Bunga Raya (Puisi)	
 <b>Pelajaran 3 第三课 .....</b>	38
1. Teks: Kapal Angkasa Columbia Meletup	
2. Bacaan Luas A: Labuan—Pelabuhan Bebas Cukai	
3. Bacaan Luas B: Indonesia Amat Bermakna Bagi Malaysia	
4. Bacaan Luas C: Kotak Hitam dan Acah-acah Pihak Berkua	
 <b>Pelajaran 4 第四课 .....</b>	53
1. Teks: Rimbaku, Air Mataku (Usman Awang)	
2. Bacaan Luas A: Pembalakan Haram Malaysia Terus Menjadi Mangsa	
3. Bacaan Luas B: Usman Awang: Peneroka ke Arah Pengucapan Baharu Puisi Melayu yang Bertunjangkan Akar Tradisi	
4. Bacaan Luas C: Puisi-puisi Pilihan Usman Awang	
 <b>Pelajaran 5 第五课 .....</b>	75
1. Teks: Pemulihan Tenaga Melalui Akupunktur	
2. Bacaan Luas A: Guasa—Seni Perubatan China Purba	
3. Bacaan Luas B: Masalah Siswazah Yang Menganggur	
4. Bacaan Luas C: Memakmurkan Wilayah Sempadan	

<b>Pelajaran 6 第六课 .....</b>	89
1. Teks: Hikayat Pinggir Air	
2. Bacaan Luas A: Brunei Bersiap Sedia Hadapi Kemerdekaan	
3. Bacaan Luas B: Sejarah Hidup Ringkas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei	
4. Bacaan Luas C: Barang-barang Pecah-belah dan Tembikar China dipamerkan di Dewan Pameran Brunei	
<b>Pelajaran 7 第七课 .....</b>	115
1. Teks: Manusia Kembali ke Bulan	
2. Bacaan Luas A: Menangguk di Air Keruh	
3. Bacaan Luas B: Unit Tenaga Nuklear	
<b>Pelajaran 8 第八课 .....</b>	125
1. Teks: Confucius	
2. Bacaan Luas A: Industri Saham di Malaysia	
3. Bacaan Luas B: Perkembangan Bahasa Melayu di Indonesia dan Malaysia	
<b>Pelajaran 9 第九课 .....</b>	134
1. Teks: Cetak Rompak: Apa Yang Dirompak	
2. Bacaan Luas A: Mempertahankan Hak Cipta	
3. Bacaan Luas B: Supernova	
<b>Pelajaran 10 第十课 .....</b>	144
1. Teks: Pantun Melayu	
2. Bacaan Luas: Pantun-Puisi Pusaka Turun-temurun	
<b>Pelajaran 11 第十一课 .....</b>	156
Teks: Tamu di Bukit Kenny (Drama Usman Awang)	
<b>Pelajaran 12 第十二课 .....</b>	177
1. Kemahiran Penulisan dalam Konteks Pembinaan Wacana yang Utuh	
2. Penulisan Kertas Kerja (Tesis) dalam Bahasa Melayu (马来语毕业论文的写作)	

## Pelajaran 1 第一课

1. Teks: China Mutakhir
2. Bacaan Luas A: Daripada Karya kepada Pentas dan Sinematografi:  
Hanya Persoalan Interpretasi Semula
3. Bacaan Luas B: Festival Layang-layang Antarabangsa
4. Bacaan Luas C: Dalam Diam OPEC Bersuara

### Teks: China Mutakhir

Bagi sesiapa yang berkunjung ke Republik Rakyat China mutakhir ini, antara kesan awal yang diperoleh ialah pesatnya pembangunan prasarannya. Jika pengunjung tersebut pernah menjakkan kaki ke China beberapa tahun yang lalu, pengunjung tersebut akan mendapati betapa pantas dan cepatnya pembangunan prasarana itu jika dibandingkan dengan kunjungan mutakhirnya, seolah-olah suatu gelombang pembangunan yang tidak dapat diperlahankan. Di kota-kota besar dan sederhana besar, jalan-jalan raya terus melebar dan panjang, bangunan komersial dan hotel-hotel terus tumbuh meninggi mencakar langit, apartmen dan kondominium mewah muncul di sana sini, landskap indah menghiasi sela-sela bangunan serta pinggir jalan.

Lebih kurang 10 tahun yang lalu di Medan Tian'anmen, jumlah kereta yang lalu lalang masih boleh dikira dengan jari. Pada masa itu, Medan yang merupakan ‘jantung’ politik China masih dikuasai ribuan penunggang basikal, sebahagian besarnya masih mengenakan pakaian serba biru zaman Mao. Walau bagaimanapun pada hari ini kereta-kereta baru dan mewah buatan Barat menjalar bukan sahaja di Medan Tian'anmen, malah jalan-jalan raya lain, memutar roda nasib dan martabat kaum pedagang ke tahap tinggi.

Tempoh yang diambil oleh China untuk ‘mencipta keajaiban pembangunan dan ekonomi’ ialah kira-kira 30 tahun. Pada akhir Mei 1974, Perdana Menteri kedua Malaysia Tun Abdul Razak Hussain mengunjungi China untuk menjalinkan persahabatan serta hubungan diplomatik dua negara berdaulat.

Hubungan China-Malaysia yang digerakkan secara rasmi pada 30 tahun yang lalu, kini membawa pelbagai hasil yang memberikan faedah kepada pelbagai

pihak. Dalam hubungan inilah, Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kini, ketika mengenang peranan ayahandanya seperti dalam ucapannya semasa merasmikan Majlis Mengenang 30 Tahun Persahabatan Malaysia-China pada 20 Mei 2004, mengutip pepatah China yang dimaklumkan kepada beliau oleh pimpinan tertinggi China dalam konteks jasa Tun Abdul Razak: “Apabila kita meminum air perigi, ingatkan kepada orang yang membina perigi itu.”

“Hubungan dua hala di antara Malaysia dengan China sekarang berada pada peringkat yang paling baik,” demikianlah kata-kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ketika menamatkan lawatan rasminya ke Republik Rakyat China sempena menyambut ulang tahun ke-30 jalinan hubungan diplomatik di antara kedua-dua negara tersebut pada 27-31 Mei 2004 di Beijing China.

Kenyataan positif tersebut turut disahut oleh Presiden China Hu Jintao, pemimpin generasi ke-4 negara China yang melihat Malaysia bukan sahaja sebagai sebuah negara sahabat tetapi rakan kongsi ekonomi yang kian penting dalam dunia yang saling bergantungan pada hari ini. Sesungguhnya, hubungan Malaysia-China mencapai perkembangan yang memberangsangkan sejak Perdana Menteri Malaysia yang ke-2, Allahyarham Tun Abdul Razak mengorak langkah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara jiran tersebut.

Tidak lama selepas pertemuan antara Mao Zedong dengan Abdul Razak, pimpinan China telah diambil alih oleh Deng Xiaoping yang mengasaskan pembaharuan China. Dalam era Deng Xiaoping China membenarkan petani memiliki dan mengusahakan tanah sendiri, yakni bukan tanah komunal; kedai-kedai jahit swasta dibuka; dan beberapa bandar pinggir pantai dijadikan Zon Ekonomi Istimewa untuk pelabur asing mengeluarkan produk-produk eksport. Ada pendapat yang mengatakan bahawa mantan-mantan pekerja di Zon Ekonomi Istimewa itu telah memulakan sejumlah perniagaan bagi mengeluarkan produk China sendiri (yang asli mahupun tiruan) yang berkualiti.

Ternyata, sejak Deng Xiaoping melancarkan program reformasi ekonominya yang bergelar “Empat Pembaharuan” (Four modernizations), Republik Rakyat China telah muncul sebagai sebuah kuasa serantau yang berpotensi dan disegani oleh negara-negara di dunia.

Dengan dasar ‘Buka Pintu’ Deng Xiaoping, China tampaknya telah menghadapi kejutan-kejutan budaya dan ekonomi yang ‘menyelerakan’. Akibatnya, penyemakan semula Perlembagaan telah berlaku tiga kali sehingga

tahun 1999. Pada tahun 1988 Artikel 11 Perlembagaan disemak semula dengan menambah bahawa pemerintah membenarkan sektor ekonomi swasta untuk diwujudkan serta dikembangkan, kerana sektor ekonomi swasta berperanan ‘melengkapi’ ekonomi awam sosialis. Kawalan terhadap tanah untuk tujuan komersial juga telah dilonggarkan.

Pada tahun 1993, Perlembagaan telah disemak semula sekali lagi, dengan memberi penekanan kepada ekonomi pasaran, mengubah ‘ekonomi terancang’ dengan ‘ekonomi pasaran sosialis’ yang tidak mengabaikan pembinaan sosialisme dengan perwatakan China.

Dengan menggalakkan keterbukaan ekonomi, China berjaya mencapai tahap pertumbuhan ekonomi yang cukup menakjubkan sehingga banyak pemerhati berpendapat bahawa China akan menerajui status ‘adikuasa’ ekonomi menjelang dekad kedua alaf yang baru.

Pelancongan merupakan industri yang turut menjana ekonomi China, atas sokongan perkhidmatan seperti pengangkutan, hotel, restoran serta pemandu pelancong yang memuaskan. China bukanlah sekadar Tembok Besar, Istana Musim Panas dan Kota Larangan. Muka bumiya yang luas, Laluan Suteranya yang mencorakkan sejarah sosial, agama dan budaya, pemandangan alam, flora serta faunanya, semuanya boleh menjadi faktor yang menggamit pelancong. Wilayah Xishuangbanna di provinsi Yunnan yang belum begitu terkenal seperti Beijing atau Xinjiang, sejak tahun 1992 telah menerima kunjungan lebih empat juta orang pelancong.

Dalam sfera ekonomi, kesejahteraan ekonomi China pula bertindak sebagai “enjin” pertumbuhan ekonomi serantau yang berkesan, di samping membawa kesan limpahan kepada negara rakan ekonomi yang memiliki darjah komplementariti ekonomi yang tinggi dengannya.

Malahan kepimpinan ekonomi China di Asia Timur berkemungkinan dapat membantu merealisasikan matlamat integrasi ekonomi serantau dan menghidupkan semula aspirasi menjadikan abad ke-21 sebagai “abad Asia Pasifik”.

(Diubahsuai daripada Dewan Masyarakat Julai / Ogos 2004)

### Bacaan Luas A: Daripada Karya kepada Pentas dan Sinematografi: Hanya Persoalan Interpretasi Semula

Kita sering mendengar ungkapan pernyataan bahawa kesusasteraan sesuatu bangsa mencerminkan pemikiran dan budaya masyarakatnya. Lantaran terlalu

sangat mendengarnya, kita terus menganggapnya sebagai sesuatu ungkapan klise yang basi dan membosankan. Ya, sememangnya kita selalu mudah melupakan maklumat yang penting kerana menganggap kita sudah tahu semuanya, atau kerana menyangka maklumat itu sudah tidak berguna lagi dalam kehidupan zaman kontemporari. Pendirian begini selalu pula membuat kita lupa daratan dan terus tenggelam dalam keangkuhan yang tidak bersebab. Ternyata situasi “Melayu mudah lupa” wujud dalam segala aspek kehidupan. Dalam makalah ini, penulis ingin mengetengahkan sesuatu yang berkaitan dengan kesusasteraan dan apresiasinya dalam zaman moden ini.

Perbincangan ini merangkumi kedua-dua era kesusasteraan Melayu klasik dan moden, kerana yang disentuh di sini ialah persoalan yang berkaitan dengan bagaimana sesuatu hasil kesusasteraan klasik disampaikan kepada masyarakat moden dalam bentuk yang berbeza daripada bentuk asalnya. Secara langsung yang menjadi pokok persoalan di sini ialah bagaimana beberapa episod daripada karya agung Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu) dan Hikayat Hang Tuah diolah semula dan dipersembahkan dalam bentuk drama pentas dan filem. Secara langsung yang diperkatakan dalam makalah ini ialah persembahan drama pentas Puteri Hang Li Po dan Tun Fatimah serta filem Puteri Gunung Ledang.

Puteri Hang Li Po diperkatakan dalam kedua-dua karya agung kesusasteraan Melayu, Sulalat al-salatin (Sejarah Melayu) dan Hikayat Hang Tuah, sama ada dalam bentuk yang sama ataupun berbeza. Ketiga-tiga “tokoh wanita” ini mempunyai kedudukannya dalam kedua-kedua karya agung tersebut dan pernah beberapa kali menjadi bahan yang dikemukakan dalam bentuk drama, cerpen, novel dan filem semenjak tahun 1950-an lagi.

Pada masa yang terdekat, Puteri Hang Li Po diberi perhatian oleh Rahmah Bujang dalam dramanya dengan judul yang sama. Tun Fatimah, pernah menjadi judul filem yang dihasilkan pada zaman kegemilangan penerbitan filem Melayu di Singapura.

Selalunya karya yang menarik perhatian penilai-penilai yang berbagai-bagai ini ialah karya-karya yang diakui mempunyai unsur keagungannya. Drama Puteri Hang Li Po dan Tun Fatimah juga filem Puteri Gunung Ledang, persembahan semula karya ini didasarkan kepada Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu) semata-mata dan tidak kepada Hikayat Hang Tuah. Suatu contoh bukti yang menunjukkan Hikayat Hang Tuah tidak digunakan sebagai sumber ialah hikayat ini mengemukakan Puteri Gunung Ledang bukan sebagai puteri mitos, tetapi sebagai puteri raja Melaka yang dirajakan oleh ayahandanya di Melaka. Jelas

Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu) digunakan sebagai sumber kerana Puteri Gunung Ledang merupakan seorang puteri dengan sifat-sifat mitosnya yang tersendiri.

### **Persembahan Teater Puteri Hang Li Po dan Tun Fatimah**

Pada dasarnya kedua-dua persembahan teater ini tidak membawa perubahan yang besar. Yang menarik tentang Puteri Hang Li Po ialah, persembahan ini dicipta khas untuk ulang tahun memperingati perhubungan persahabatan antara negara China dengan Malaysia. Dari awal lagi telah diserahkan tujuan atau objektif teater itu dicipta. Skrip yang asalnya ditulis oleh Rahimidin Zahari tentunya telah melalui berbagai-bagai proses perubahan dan pelengkapannya terutama di tangan pengarahnya, Rosminah Mohd. Tahir dan mungkin juga sebelumnya di tangan ahli-ahli jawatankuasa penelitiannya. Walau bagaimanapun, dari segi proses persembahan, Puteri Hang Li Po akhirnya menjadi suatu persembahan yang berhasil dan mengagumkan.

Persembahannya menggabungkan nama-nama handal dalam pengurusan teknikalnya yang masing-masing mempunyai keahlian dalam bidangnya. Selain Rahimidin Zahari sebagai penulis skrip asal dan Rosminah Mohad. Tahir sebagai pengarah, persembahan teater ini mendepani Sabri Buang sebagai pengarah artistik. Selain itu, pengubah muzik terkenal Suhaimi Mohd. Zain yang lebih dikenali pengarah muzik dan Mac Chan sebagai pereka tatacakaya.

Sebagai penonton, kita memahami mengapa persembahan teater ini melantik dua orang koreografer iaitu Mahmood Ibrahim dan Anthony Meh Kim Chuan sementara pereka kostum, Badrulzaman Abd. Jalil dibantu oleh Puan Mah Goon Lam. Persembahan teater ini mendapat khidmat nasihat daripada Cin Chee Peng, (Keterangan terperinci tentang kepakaran tokoh-tokoh ini dapat digarap daripada buku program Puteri Hang Li Po).

Penggembengan tokoh-tokoh dalam bidang pengurusan teater ini diperlihatkan juga dalam senarai para pelakon yang mendukung peranan tertentu. Tentulah beberapa watak seperti Puteri Hang Li Po, Laksamana Ming Yu, Maharaja China, Permaisuri China dan Inang Puteri China mesti terdiri daripada pelakon-pelakon keturunan Cina. (Terdapat dua orang keturunan Melayu yang memegang peranan sebagai pembesar China itu, Zulkifli Mohamad dan Syahrul Fitri Musa). Soong Ai Ling sebagai Puteri Hang Li Po dan Louisa Chong sebagai Si Kembang Cina menguatkan mutu persembahan di samping Azizah Mahzan sebagai inang di Melaka, Zaefrul Nadzarine Nordin (Sultan Melaka), Aris A.

Kadir (Tun Perpatih Putih) dan lain-lain lagi termasuk jumlah penari daripada kedua-dua kebudayaan Melayu dan Cina yang menghidupkan suasana teater ini.

Unsur realistik selain gemblengan pelakon dan pengurus ialah wujudnya kedua-dua jenis tarian dan kedua-dua bahasa Melayu dan Mandarin digunakan dalam dialog dan nyanyian, lengkap dengan terjemahan yang disiarkan di bahagian atas pentas, dekat dengan deretan lampu.

Tidak ada sesuatu yang berbeza daripada cerita pokoknya dalam teater ini. Penulis skrip memukau penonton dengan penyusunan peristiwa yang menarik. Pengecualian itu difokuskan kepada perhubungan erat yang wujud antara Laksamana Ming Yu, admiral tentera laut Maharaja China, dengan Puteri Hang Li Po. Ikatan percintaan itu hanya jelas apabila Maharaja China memerintahkan Laksamana Ming Yu mengetauui angkatan China menghantar Puteri Hang Li Po untuk dikahwinkan dengan sultan Melaka. Pepatah Inggeris “Everybody loves a love story” terbukti masih benar walaupun penonton faham bahawa percintaan ini semata-mata rekaan penulis skrip.

Seperti Laksamana Hang Tuah yang sangat taat dan setia kepada tuannya, Laksamana Ming Yu dengan rela hati melaksanakan tugasnya dan mengetepikan perasaannya sendiri. Puteri Hang Li Po cuba mengubahkan pendirian Laksamana Ming Yu tetapi gagal menemusi tembok kesetiaan laksamana kepada raja dan negaranya. Babak yang menyayat hati ini berganti apabila penulis skrip dengan bijak mencipta suasana yang berkesan hingga mencairkan hati cekal Puteri Hang Li Po terus tertawan dengan tingginya budi Sultan Melaka.

Dari sudut persempahan semula atau interpretasi semula, Puteri Li Po masih boleh dipasangkan dengan berbagai-bagai pasangan lain mengikut kebijaksanaan pengarang atau penulis skripnya. Rahmah Bujang (1989) dalam skrip bangsawannya yang berjudul Puteri Li Po, meletakkan kesilapan itu kepada sultan Melaka yang sentiasa sibuk dengan tugasnya dan membiarkan puteri Cina sentiasa dalam kesepian. Puteri Li Po dikatakan terpikat dengan Hang Jebat dan mencurahkan perasaannya kepada pegawai ini. Hang Jebat sering mengambil tugas seorang pembesar lain untuk memperkenalkan adat istiadat Melayu kepada puteri Cina ini sambil menasihatkannya agar memahami tugas-tugas berat yang dipikul oleh sultan. Akhirnya Puteri Li Po bertekad menjadi seorang isteri yang taat dan membantu suaminya.

Kedua-dua interpretasi semula atau interpretasi baharu berkaitan Puteri Hang Li Po dalam kedua-dua skrip sesuai dengan pemikiran penonton baik dari segi kemungkinannya berlaku, logik atau tidak melanggar arus perkembangan

kepercayaan dan kebudayaan.

(Diubahsuai daripada Dewan Sastera Januari 2005)

## Bacaan Luas B : Festival Layang-layang Antarabangsa

Permainan layang-layang (wau) terus mendapat sambutan di kalangan orang ramai. Dalam festival layang-layang itu, pertunjukan permainan layang-layang mendapat sambutan terutamanya di kalangan peminat permainan tradisi. Permainan layang-layang sungguh menghiburkan hati.

Sejak tahun 1995, Malaysia telah menganjurkan Festival Layang-layang (wau) Antarabangsa. Pada tahun 2001, festival ini diadakan di Bukit Layang-layang Taman Bandar, Pasir Gudang, Johor. Peminat layang-layang dari seluruh dunia mengetahui bahawa negara Malaysia akan menganjurkan festival tersebut pada setiap tahun. Oleh itu, festival ini selalu mendapat sambutan yang hangat apabila dianjurkan. Selain pertandingan layang-layang, festival ini juga melangsungkan pertunjukan dan pameran yang menyajikan ratusan jenis layang-layang dari pelbagai negara di serata dunia. Daripada pertunjukan layang-layang, kita dapat menyaksikan cara layang-layang diterbangkan mengikut rentak lagu dan irama muzik.

Untuk menerbangkan layang-layang ini tidaklah mudah seperti yang dijangkakan. Kemahiran pemain mengawal layang-layang sebenar mempunyai perkaitan yang rapat dengan penggunaan daya dan tenaga. Tenaga fizikal pemain amat perlu untuk mengawal (menarik dan merentap) tali. Tenaga angin membentuk daya yang menolak layang-layang. Namun, jika daya angin yang terlalu laju dan bertiup dalam satu arah, layang-layang akan menjunam. Bentuk layang-layang juga memainkan peranan penting untuk menentukan layang-layang dapat naik dan terbang dengan baik di udara. Oleh sebab itu, reka bentuk layang-layang yang berbentuk rombus merupakan asas penting dalam pembuatan layang-layang. Untuk mengekalkan keseimbangan di udara, sayap dan ekor turut ditambah pada layang-layang.

Bermain layang-layang tidaklah semudah seperti yang dilihat. Permainan memerlukan kemahiran dan ketangkasan fizikal. Bagi mereka yang tidak berpengalaman, mereka akan berasa sangat sukar mengawal layang-layang apabila menghadapi tekanan angin. Tetapi bagi mereka yang sudah biasa, mereka berasa sangat seronok, terutamanya apabila layang-layang itu berada di udara.

Ramai peminat layang-layang menyatakan bahawa festival seperti ini

hendaklah dijadikan daya penarik kedatangan pelancong ke negara Malaysia. Oleh itu, usaha-usaha untuk mempopularkan permainan ini pada peringkat antarabangsa perlulah diadakan oleh Lembaga Penggalak Pelancongan Negara Malaysia.

(Diubahsuai daripada Bahasa Melayu Tingkatan 4—5)

### Bacaan Luas C: Dalam Diam OPEC Bersuara

Sekali lagi dunia dilanda krisis “mutiara hitam”. Ketika kelembapan ekonomi dunia baru sahaja reda, kejutan daripada Organisasi Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dengan kenaikan harga minyak yang mendadak ternyata menyentap senario ekonomi antarabangsa.

Pada paras harga tertinggi sejak 20 tahun lalu AS \$ 41. 56 satu tong yang dicatatkan pada akhir bulan Mei lepas (2003), beban yang amat besar dirasakan oleh segenap sektor ekonomi dunia.

Kesan paling buruk lebih dirasakan oleh kalangan negara pengimport minyak paling setia dari Asia Barat (yang merupakan majoriti anggota OPEC).

Menariknya, kenaikan harga minyak, berbanding dengan kenaikan harga komoditi lain, sering menjadi topik perbualan dan sumber analisis hangat. Alasannya adalah kerana minyak merupakan nadi penting dalam setiap aktiviti, bukan sahaja dalam kalangan industri malah kepada pengguna seharian. Waima naik sesen pun, kesannya amat besar bagi para pengguna, peniaga atau pengusaha.

Namun, di sebalik alasan kesannya terhadap kegiatan ekonomi, isu kenaikan harga minyak menjadi perhatian lantaran hubungannya dengan situasi semasa politik antarabangsa. Sejak penubuhan OPEC pada 10 September 1960, harga minyak di pasaran dunia ditentukan oleh negara anggota OPEC atau lebih dikenali sebagai “kartel negara pengeluar minyak”.

Setiap anggota OPEC diberikan kuota pengeluaran tertentu yang diasaskan kepada jumlah simpanan minyak negara anggota. Kuota ini berubah-ubah mengikut mekanisme pasaran semasa yang berfungsi mengikut hukum penawaran dan permintaan semasa komoditi itu.

Secara dasarnya OPEC berkuasa penuh dalam menentukan harga pasaran minyak mentah dunia lantaran kuasa manipulasi terhadap penawaran yang dimiliki OPEC. Kuasa sedemikian besar yang dimiliki OPEC menjadikan OPEC sebuah organisasi berpengaruh dalam sistem politik antarabangsa.

Banyak pihak pasti mengingati krisis harga minyak pada tahun awal tahun 1970-an — pada masa itu OPEC telah memanipulasi kuasa minyaknya (buat pertama kali) untuk mengubah senario politik Asia Barat. Melalui tindakan menaikkan harga minyak, OPEC pada masa itu telah menggesa Israel keluar dari wilayah yang didudukinya dalam Perang Arab-Israel 1967.

Eksplotasi harga minyak oleh OPEC pada masa itu (yang sebahagian besar ahlinya merupakan negara Arab) ternyata berhasil apabila Israel keluar dari Syria dan mengembalikan beberapa wilayah yang dirampasnya kepada Jordan dan Mesir.

Di samping itu, situasi ekonomi yang tidak menentu pada masa itu menjadi penjelasan logik kepada krisis kenaikan harga minyak. Keruntuhan sistem Bretton Wood, iaitu sistem kewangan antarabangsa yang menjadikan dolar Amerika sebagai mata wang perantara, turut dilihat menjadi penyumbang kepada berlakunya krisis harga minyak pada awal 1970-an.

Ekoran kejatuhan nilai dolar Amerika pada ketika itu, negara pengeluar minyak menanggung kerugian besar lantaran harga minyak ditentukan dalam dolar Amerika. Maka secara logik ekonomi, nilai dolar Amerika yang lemah menjadi alasan kuat kepada kenaikan harga minyak.

Berdasarkan kepada sejarah krisis harga minyak pada 1970-an, banyak pihak beranggapan bahawa seolah-olah sejarah kembali berulang pada alaf baru ini. Kenaikan harga minyak yang tercetus baru-baru ini, jika diteliti, merupakan suatu “saduran” kepada krisis harga minyak pada 1970-an.

Sejak awal dekad pertama alaf baru ini, nilai dolar Amerika merosot secara beransur-ansur. Malah kebelakangan ini, nilainya semakin susut dan menjunam ke paras yang menggusarkan banyak pihak di Amerika dan di seluruh dunia. Desas-desus tentang kemungkinan kenaikan kadar faedah oleh Simpanan Persekutuan Amerika tambah merisaukan para pelabur dan peniaga seluruh dunia.

OPEC juga tidak terkecuali daripada merasakan kesan susut nilai dolar Amerika. Semakin hari, “poket” saudagar minyak Arab semakin ringan. Kalau dahulu jualan satu tong minyak mampu menjana nilai dolar yang lumayan, sekarang nilai dolar yang susut menjadikan nilai sebenar keuntungan jatuh mendadak. Malah nilai sebenar keuntungan yang dijana belum tentu mampu menanggung kos pengeluaran yang kian meningkat.

Secara logiknya, kenaikan harga minyak merupakan alternatif yang tidak dapat dielakkan. Dengan peningkatan kos pengeluaran, OPEC tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menaikkan harga minyak. Kenaikan ini seharusnya

bermula lebih awal. Namun, kenaikan harga minyak berlaku lebih lewat daripada yang dijangkakan.

Hanya baru-baru ini OPEC memilih untuk menaikkan harga minyak mentah. Walaupun kenaikan telah diduga, tiada siapa yang menjangkakan kenaikan yang begitu drastik sehingga mencecah ke paras AS\$ 41.56 satu tong.

Hal ini memperanjatkan banyak bursa komoditi di seluruh dunia. Penganalisis ekonomi meramalkan krisis harga minyak pasti meruncing sekiranya paras harga ini kekal untuk satu tempoh yang panjang.

Tetapi perkara yang telah menarik di sini, bukanlah semata-mata kenaikan harga tersebut. Seperti yang dinyakakan tadi, harga memang diduga akan naik. Namun seperti juga pada awal 1970-an, kenaikan harga minyak bukan semata-mata persoalan ekonomi—turun naik harga pasaran atau susut nilai mata wang.

“Peristiwa Yom Kippur” menjadi titik tolak penting dalam pertimbangan OPEC khususnya negara pengeluar Arab menaikkan harga minyak pada ketika itu. Sama ada Israel keluar dari wilayah taklukannya atau dunia berhadapan dengan krisis minyak!

Kenaikan harga baru-baru ini turut melibatkan beberapa perhitungan strategik politik-ekonomi. Asia Barat telah sekian lama menjadi rantau yang penuh konflik sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua. Malah rantau itu menyaksikan beberapa siri peperangan yang melibatkan sesama jiran tetangga mahupun pihak luar. Siri kemelut paling lama dan tragis ialah isu Israel-Palestin.

Akhir-akhir ini, atas segala kegagalan pelan damai, isu Israel-Palestin kian menjadi buruk. Pembunuhan pemimpin agung Hamas, Sheik Ahmed Yassin yang kemudiannya disusuli pula dengan pembunuhan seorang lagi pemimpin utama Hamas, Abadel Aziz Rantisi menampakkan bagaimana isu ini semakin di luar kawalan.

Kelambatan dan kurangnya keseriusan Amerika Syarikat khususnya dalam bertindak-balas terhadap perkembangan terbaru ini memberi isyarat kepada dunia Arab bahawa Amerika memang sudah tidak boleh dipercayai.

Isu Israel-Palestin diiringi pula oleh kehangatan isu Iraq. Pendedahan pelakuan tidak berperikemanusiaan di penjara Abu Ghraib oleh tentera Amerika dilihat oleh dunia Arab sebagai satu penghinaan terbuka dan kelancangan Barat yang melampau.

Kegagalan Amerika Syarikat menyelaraskan program pascaperangnya di Iraq mengecewakan banyak sekutu kuatnya terutama dalam kalangan negara Arab sendiri. Sokongan yang diberi ketika hendak menjatuhkan Saddam dulu bertukar